

Perkukuh ekonomi domestik hadapi dasar tarif Trump

● Keadaan ekonomi dunia yang akan kita hadapi pada masa mendatang - ketidakpastian, ketidakpastian, rumit dan kabur

● Negara kecil dan terbuka seperti kita tidak mempunyai banyak pilihan melainkan menumpukan kepada kekuatan dalaman

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Dalam ekonomi, tarif adalah satu bentuk bayaran kepada barangan eksport dan import.

Salah satu instrumen kawalan untuk menjadikan perdagangan bebas tidak berlaku dan mengganggu proses penetapan harga oleh kuasa pasaran.

Disebabkan tarif meningkatkan kos, ia membentuk ketidakcekapan dalam ekonomi, akhirnya membantutkan pertumbuhan ekonomi dan menjejaskan rantaian bekalan global.

Tarif juga menyekat persaingan untuk berlaku dalam pasaran, menyebabkan harga barang tidak dapat diturunkan dan menjejaskan kualiti produk dalam pasaran.

Perkara yang mungkin tidak disedari awam, tarif juga mengurangkan kebebasan kepada pengguna untuk membuat pilihan terbaik.

Apabila pertumbuhan ekonomi terkesan, ini dijangka meningkatkan kadar pengangguran dan menyebabkan pasaran kepada perniagaan semakin menguncup.

Sentimen dan keyakinan perniagaan dan pelaburan juga akan terjejas. Selain itu, prospek untuk peningkatan dalam kadar upah juga amat sukar.

Dalam konteks dasar tarif Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, prospek untuk ekonomi AS berhadapan dengan kemelesetan ekonomi dan juga fenomena 'stagflasi' adalah tinggi pada ketika ini.

Selain tarif, kerajaan juga boleh menaikkan kuota import, kuota eksport, subsidi eksport, embargo dan apa yang dipanggil sebagai Sekatan Bukan Tarif (NTBs) untuk melindungi industri tempatan atau meningkatkan hasil negara.

Sebelum memahami tarif daripada perspektif Trump, ada satu konteks sejarah perlu diketahui mengenai tarif.

Pertama, konsep perdagangan bebas ataupun liberalisasi perdagangan. Ia bermula apabila seorang ahli falsafah ekonomi, David Ricardo memperkenalkan konsep Faedah Berbanding pada awal abad ke-19.

Konsep ini mempertikai teori Faedah Mutlak dipelopori Adam Smith, seorang lagi ahli falsafah ekonomi tersohor dunia.

Ricardo, melalui teori Faedah Berbanding, berhujah bahawa sesebuah negara masih boleh mendapat manfaat daripada perdagangan antarabangsa walaupun tidak mempunyai kelebihan dalam apa-apa pengeluaran berbanding dengan negara lain.

Apa yang perlu dilakukan hanyalah melakukan pengkhususan kepada barangan yang boleh dikeluarkan negara berkenaan dengan cara paling murah.

Sekitar 1830-an, perdagangan bebas menjadi norma baharu dalam konteks dunia global ketika itu. Sistem ekonomi kapitalisme juga bermula pada waktu itu.

Kira-kira 100 tahun selepas itu, berlaku *The Great Depression* dan ramai ahli ekonomi

berpendapat, salah satu faktor utama kejatuhan ekonomi dunia waktu itu disebabkan kerajaan AS memperkenalkan Akta Tarif Smoot-Hawley, menaikkan tarif kepada 48 peratus daripada 37 peratus.

Namun begitu, ada satu lagi faktor yang lebih signifikan pada ketika itu yang mengakibatkan keadaan menjadi bertambah buruk, iaitu kepercayaan kepada doktrin belanjawan berimbang.

Ini sebenarnya menjadi punca kepada keruntuhan permintaan antarabangsa pada ketika itu.

Penyelesaian tuntas kepada masalah *The Great Depression* hanya muncul apabila seorang lagi ahli ekonomi, John Maynard Keynes menulis bukunya bertajuk *The General Theory of Employment, Interest and Money*, diterbitkan sekitar 1936.

Bagi Keynes, penentu kepada pekerjaan bukan hanya berdasarkan paras harga dan upah, tetapi ditentukan tahap permintaan agregat dalam sesebuah ekonomi.

Oleh itu, peranan kerajaan berbelanja dalam mencipta permintaan ketika ekonomi mengalami kemelesetan adalah inti pati utama dalam idea beliau, sekarang dikenali sebagai 'dasar fiskal Keynesian'.

Selain itu, pasca Perang Dunia II, beberapa institusi ditubuhkan untuk mengurangkan sekatan perdagangan antarabangsa, terutamanya tarif seperti Perjanjian Am Perdagangan dan Tarif (GATT) pada 1947.

Setiap negara perlu dapat layanan saksama

Kebanyakannya berbincang untuk mengurangkan tarif sebelum ia digantikan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), dengan berpegang kepada prinsip setiap negara perlu mendapat layanan saksama (MFN).

Maka di sini, kita dapat lihat masalah utama dalam visi Trump, iaitu *Make America Great Again* (MAGA) dan bagaimana akhirnya tarif disalahgunakan.

Ekonomi AS ketika ini dan beberapa dasawarsa lepas sudah pun hebat. AS adalah negara

ekonomi terbesar di dunia.

Dolar AS menjadi mata wang rizab antarabangsa dan institusi antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), manakala Bank Dunia dikuasai dan dipengeruhi AS.

Kedua, Trump mempunyai kefahaman salah berkenaan konsep defisit dan hutang. Ini isu pokok dalam kekeliruan dasar ekonomi Trump.

Dalam perniagaan, sememangnya defisit atau hutang satu masalah, tetapi tidak semestinya dalam ekonomi.

Doktrin belanjawan berimbang itulah menjadi punca utama *The Great Depression* menjadi lebih teruk dan sukar dibendung sehingga idea Keynes muncul untuk memperbetulkan keadaan.

Masalah ini berlanjutan dengan formula aneh Trump gunakan dalam pengiraan tarif dan tarif timbal balas dilancarkan. Pengenaan tarif timbal balas ini sememangnya memberi kesan signifikan kepada ekonomi dunia.

Namun, secara tiba-tiba, pada 10 April lalu, Trump membuat pengumuman menangguhkan pula tarif timbal balas ini selama 90 hari walaupun beliau terus menekan China dengan peningkatan nilai tarif timbal balas seterusnya.

Begitulah keadaan ekonomi dunia yang akan kita hadapi pada masa mendatang - ketidakpastian, ketidakpastian, rumit dan kabur (VUCA).

Namun, Malaysia bertindak secara tepat dengan tidak bertindak balas mengenakan tarif timbal balas serta bersifat berkecuali dan cuba untuk berbuat baik kepada AS dan China.

Ini dapat dilihat dalam keputusan untuk berunding dengan AS dan juga lawatan Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia, baru-baru ini.

Namun begitu, menuju ke hadapan, adakah posisi neutral ini boleh bertahan? Apakah sebenarnya kedudukan Malaysia dalam kerangka BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan) ketika ini.

Adakah ASEAN akan beralih lebih kepada China dan meninggalkan AS dalam jangka masa sederhana dan panjang. Bagaimana posisi Malaysia jika berunding dengan AS berkenaan dengan isu NTBs seperti isu perolehan kerajaan, pemilikan ekuiti Bumiputera atau standard halal.

Walaupun isu ini sukar, Malaysia pada masa sama boleh mengukuhkan lagi kekuatan ekonomi domestik dengan memulakan pelbagai reformasi struktur ekonomi komprehensif.

Antaranya seperti mengukuhkan lagi sistem perlindungan sosial negara serta kapasiti kebajikan rakyat. Sektor penting seperti pertanian perlu diperkasakan dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) juga perlu dilindungi.

Mungkin strategi serta sasaran makro diletakkan di bawah dokumen Ekonomi MADANI perlu dilihat semula. Apa yang pasti, amalan perdagangan antarabangsa yang kita ketahui pada hari ini sudah berakhir.

Negara kecil dan terbuka seperti kita tidak mempunyai banyak pilihan melainkan menumpukan kepada kekuatan dalaman serta bergerak bersama dengan blok ekonomi yang sudah pun dibentuk, perjanjian multilateral yang sudah berjalan dan bekerjasama dengan negara lain yang mempunyai kepentingan bersama.

